

Laluan perkhidmatan Bas GOKL 15 dilancar

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melancarkan laluan ke-15 perkhidmatan GOKL yang dinamakan laluan GOKL 15. Laluan sepanjang 20.6 kilometer (km) yang menghubungkan perjalanan bermula dari Prima Alam Damai ke Hospital Canselor Tuanku Mukhriz (HCTM), Cheras, Kuala Lumpur mula beroperasi 1 Februari lalu.

Menurut Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh** berkata laluan baharu ini diwujudkan bagi memberikan lebih pilihan kepada orang ramai untuk menggunakan pengangkutan awam selain turut memudahkan pengguna membuat pertukaran mod pengangkutan dari bas kepada pengangkutan rel sama ada MRT atau LRT.

“Di samping itu, terdapat beberapa lokasi yang membolehkan penumpang membuat pertukaran laluan bas yang dikehendaki iaitu di hentian Institut Latihan DBKL (IDB) dan Prima Alam Damai,” katanya penambahan laluan dibuat berdasarkan faktor permohonan daripada penduduk setempat dan kawasan perumahan berkepadatan tinggi.

Jelasnya, laluan ini juga dihubungkan ke stesen sistem transit yang berdekatan bagi memudahkan pertukaran mod pengangkutan untuk perjalanan pergi dan balik ke pejabat, secara tidak langsung menggalakkan pemiik kenderaan persendirian untuk



KAMARULZAMAN (kanan) bersama Zaliha (tengah) dan Wan Azizah ketika majlis perasmian laluan baharu GoKL dan bas mini GoKL.

menggunakan perkhidmatan awam.

Sepanjang tahun 2023, Bas GOKL mencatatkan seramai 11.5 juta orang penumpang dengan kadar purata seramai 32,000 warga kota menggunakan perkhidmatan tersebut setiap hari dan melibatkan 960,000 penumpang sebulan.

Dalam masa yang sama, kerajaan menyokong inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), laluan baharu perkhidmatan Bas

GOKL 15 akan menggunakan bas elektrik iaitu Bas Mini EV bersaiz lapan meter sebagai mod pengangkutan.

Bas mini EV bersaiz lapan meter boleh memuatkan kapasiti penumpang seramai 52 orang (18 tempat duduk, 33 berdiri dan 1 kerusi roda).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata

penggunaan bas mini ini akan melancar dan memudahkan pergerakan pusingan bas di samping memastikan perjalanan lebih lancar ketika melalui laluan yang sempit dan selekoh tajam terutama melibatkan kawasan perumahan.

“Buat sementara waktu, laluan ini akan beroperasi menggunakan bas elektrik 10 meter sebelum digantikan dengan bas mini elektrik yang dijangka pada bulan

Mei akan datang.

“Dengan penambahan laluan baharu ini, jumlah keseluruhan bas elektrik GOKL adalah sebanyak 80 buah bas sekali gus menjadikan DBKL sebagai pihak yang paling banyak mengguna pakai bas elektrik di Malaysia,” ujar beliau ketika berucap pada perasmian bas mini GOKL dan peluncuran laluan baharu GoKL ke 15 di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), pada Isnin.

Turut hadir, Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin.

Dalam pada itu, Zaliha berkata inisiatif Bas GOKL ini diperkenalkan bagi menggalak dan memperkasakan pengangkutan awam di bandar raya seiring dengan hasrat kerajaan melalui Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 yang menyasarkan kadar penggunaan pengangkutan awam dalam kalangan warga kota sekurang-kurangnya 70 peratus berbanding kenderaan persendirian 30 peratus.

Pada 17 Disember 2022, DBKL menerima pengiktirafan daripada Malaysia Book Of Records sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di Malaysia yang menggunakan bas elektrik paling banyak dan memberikan perkhidmatan secara percuma kepada orang ramai. **WK**